

# Kamaruzaman gariskan empat agenda jadi tumpuan universiti

NSR 04.02.2012 3

KOTA KINABALU: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj. Ampon menggariskan empat agenda yang menjadi tumpuan universiti itu tahun ini.

Beliau berkata, agenda itu ialah kecemerlangan akademik, pembudayaan dan pemerksaan penyelidikan serta inovasi, pengukuhan penyampaian dan tadbir urus dan peningkatan jalinan masyarakat dan industri.

"Antara tanggungjawab utama UMS sebagai sebuah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) ialah dalam pembangunan sumber manusia, khususnya untuk keperluan negara.

"Selain mendapat ilmu pengetahuan dalam bidang masing-masing, para graduan UMS hendaklah juga dilengkapi dengan tujuh elemen utama kemahiran insaniah antaranya kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat," katanya pada majlis Amanat di Dewan Canselor, di sini, kelmarin.

Kamaruzaman berkata kakitangan akademik juga perlu mengendalikan setiap kursus dengan baik dan berkesan supaya hasil pembelajaran dapat dicapai.

"Untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P), tenaga akademik perlu mempelbagaikan kaedah penyampaian kursus masing-masing," katanya.

Beliau berkata pengukuhan ini perlu dibuat untuk diseirinkan dengan pelaksanaan bidang ekonomi utama Nasional (NKEA).

Sehubungan itu, katanya peranan Unit Penyelidikan dan Pembangunan Keusahawanan (CERD) perlu dikaji semula, unit ini berperanan aktif sebagai urus setia atau koordinator bagi aktiviti-aktiviti pembangunan keusahawanan.

"Selain itu aspek mempertingkatkan jalinan masyarakat dan industri melibatkan aktiviti atau program yang berimpak tinggi," katanya.

Dari segi mempertingkatkan jalinan masyarakat dan industri Kamaruzaman berkata, secara keseluruhannya penglibatan UMS dengan masyarakat adalah memuaskan bagaimanapun masih banyak ruang untuk ditingkatkan terutamanya melibatkan program berimpak tinggi.

"Program "PUPUK" yang dilaksanakan oleh Sekolah Perubatan di daerah Kudat merupakan satu contoh aktiviti yang berimpak tinggi," katanya.

Sementara itu katanya UMS turut terlibat aktif bersama Asia e-University (AeU) dalam pelaksanaan initiative EPP6-Mengembangkan Pengajian Jarak Jauh Antarabangsa bagi Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pendidikan.

"Satu program peringkat sarjana dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi yang akan dikendalikan berasaskan e-pembelajaran dijangka dapat dimulakan pertengahan tahun ini.

"Perancangan untuk program dari Sekolah pendidikan dan Pembangunan Sosial juga sedang diusahakan," katanya.

Dari segi jumlah kursus yang ditawarkan di universiti itu, Kamaruzaman berkata, sehingga kini UMS mempunyai 13 buah sekolah iaitu 10 di kampus Kota Kinabalu, dua di Labuan dan satu di Sandakan.

"Sebanyak 64 program prasiswazah ditawarkan selain program pascasiswazah secara penyelidikan serta kerja kursus. UMS telah melahirkan seramai 36,500 graduan yang memperolehi ijazah sarjana muda, ijazah sarjana dan doktor falsafah sejak penubuhannya 18 tahun yang lalu," katanya. **-OLEH MARRYAN RAZAN dan ELLEZA JOHNNY**